

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1994/95

Oktober/November 1994

HMT 401 Semantik Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEPULUH [10] SOALAN DI
DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab LIMA [5] soalan, SATU [1] daripada setiap Bahagian A,
B, C, D dan E.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Menurut Jacobson bahasa boleh dikategorikan kepada lima (5) fungsi. Huraikan setiap fungsi dan bandingkan kelima-limanya dengan tujuh (7) fungsi makna yang diketengahkan oleh Leech.
2. Bincangkan penggolongan lima daripada tujuh jenis makna yang dibuat oleh Leech (1974) dan terapkan penggolongan ini kepada bahasa Melayu.

BAHAGIAN B

3. Menurut Ogden dan Richards makna boleh diterangkan melalui segi tiga semiotik. Bincangkan kelemahan serta kekuatan pendekatan ini. Bincangkan juga ulasan sarjana lain terutama Ullman mengenai hal ini.
4. Ullman (1967) telah mengetengahkan konsep medan makna. Perjelaskan konsep tersebut dari segi jaringan hubungannya dengan perkataan-perkataan lain dan beri contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu.

.../2

BAHAGIAN C

5. Apakah kepentingan konteks di dalam kajian makna? Kaitkan kepentingannya dengan konsep keperihalalan keadaan (Firth) sebagai kaedah menganalisis makna.
6. Makna sesebuah simpulan bahasa selalunya tidak sama dengan makna sebenar (denotasi) perkataan-perkataan yang terkandung di dalamnya. Terangkan bagaimana keadaan ini berlaku dan bagaimana simpulan bahasa terbentuk di dalam bahasa Melayu dengan contoh yang sesuai.

BAHAGIAN D

7. Salah satu unsur yang banyak mengubah dan memberi kelainan dan neka kepada makna ialah ragam bahasa. Huraikan empat (4) jenis ragam bahasa ini (sindiran, tempelak, herdik dan giat) dan berikan contoh pemakaian setiap satu.
8. [a] Tan Sri Abu Talib, bekas Peguam Negara adalah seorang peguam yang terkemuka dan bijak menyelesaikan masalah undang-undang.
[b] Karpal Singh juga merupakan seorang peguam yang bijak. Oleh itu Karpal Singh boleh menyelesaikan masalah undang-undang.

Wajarkah pernyataan kedua dikatakan sebagai kesimpulan kepada pernyataan pertama.

BAHAGIAN E

9. Palmer berkata bahawa biasanya kita tidak boleh membezakan di antara konotasi dengan denotasi bagi sepatah perkataan. Jelaskan pengertian ini dengan contoh-contoh yang sesuai daripada bahasa Melayu.
10. Kenalpasti dan bincangkan dengan ringkas tiga (3) masalah utama yang dihadapi oleh penulis kamus ketika mereka menghuraikan definisi bagi sesuatu perkataan.